

Patah cubaan bawa masuk 3 warga asing secara haram

Kuala Perlis: Tindakan dua pemandu teksis warga Thailand membantu tiga warga asing masuk ke negara ini secara haram gagal apabila kegiatan mereka dikesan petugas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Padang Besar.

Pengarah Kastam Perlis, Ismail Hashim berkata, pada 6 Februari lalu, pasukan operasi dari Cawangan Penguatkuasaan JKDM melakukan pemeriksaan ke atas sebuah kendaraan bernombor pendaftaran Thailand di laluan

import bas Unit Pemeriksaan Rapi, Kompleks Imigrasi, Kastam, Kuantan dan Keselamatan (ICQS) Padang Besar.

Beliau berkata, kendaraan itu dipandu lelaki warga Thailand berusia 35 tahun dan ditemani seorang lagi lelaki senegaraanya berusia 28 tahun di tempat duduk penumpang hadapan.

"Pemeriksaan lanjut di bahagian penumpang belakang kendaraan itu menemui dua lelaki dan seorang wanita warga China masing-masing berusia 29,

30 dan 38 tahun serta tiga lelaki warga Indonesia masing-masing berusia 33, 36 dan 45.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati ketiga-tiga warga China itu tidak mempunyai pasport atau sebarang dokumen pengenalan diri manakala ketiga-tiga warga Indonesia pula didapati memiliki pasport, namun tiada rekod atau cop kemasukan ke Malaysia," katanya pada sidang media di Pangkalan Marin Kastam, JKDM Kuala Perlis, di sini, semalam.

Menurutnya, hasil siasatan awal mendapati kedua-dua lelaki warga Thailand itu disyaki cuba menyeludup masuk keenam-enam migran berkeenaan ke Malaysia.

"Semua migran ini bekerja di Thailand warga Indonesia bekerja di restoran di Bangkok manakala warga China pula bekerja sebagai tukang gunting, di spa dan pusat hiburan.

"Migran warga Indonesia beri alasan nak balik ke Aceh dan melalui Semanjung negara ini kerana

lebih mudah, tetapi tak ada tiket dan sebagainya.

"Warga China mendakwa tidak tahu kenapa mereka berada di Malaysia dan difaham ada pihak bawa mereka," katanya.

Ismail berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 26A Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipeludupan Migran (ATIPSOA) 2007 dan jika sabit kesalahan, boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan juga boleh didenda atau kedua-duanya sekali.